



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK H1N1 DI MALAYSIA 2010 Bagi Minggu Epid 04/2010 (24 – 30 Januari 2010)

Dalam tempoh seminggu yang lepas (24 – 30 Januari 2010) seramai 357 pesakit baru dengan simptom *Influenza-Like Illness* (ILI) telah dimasukkan ke hospital untuk rawatan dan sementara itu 337 kes pula telah discaj keluar. Baki kes ILI yang masih dirawat di seluruh negara pada hari terakhir minggu epid 04/2010 (30 Januari 2010) adalah sebanyak 345 kes di 42 buah hospital kerajaan. Daripada jumlah tersebut, hanya 4 pesakit atau 1.2% merupakan kes Influenza A(H1N1) yang disahkan melalui ujian makmal. Sehingga 30 Januari 2010, jumlah terkumpul kes positif influenza A(H1N1) adalah 12,389. Untuk makluman, terdapat 1 kes H1N1 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi(ICU). Kes tersebut merupakan seorang kanak-kanak berumur kurang 5 tahun.

Terdapat tiga (3) kejadian kluster ILI telah dilaporkan sepanjang minggu lalu di 3 buah sekolah berasingan iaitu satu di SMA Al-Ittihadiyah, Kuala Lipis, Pahang (melibatkan 3 orang pelajar) manakala dua (2) di SK Pengkalan Berangan, Marang (melibatkan 7 orang pelajar) dan Maahad Tahfiz Darul Iman, Tok Jiring, Terengganu (melibatkan 17 orang pelajar). Dua daripada tiga kejadian kluster tersebut adalah positif untuk Influenza A (H1N1). Tiada kematian baru kes H1N1 dan jumlah terkumpul kekal 77 sehingga kini.

Penularan jangkitan influenza A(H1N1) masih lagi aktif khususnya di negara-negara beriklim sederhana di Hemisfera Utara seperti di Eropah Timur dan Selatan, Asia Selatan dan Timur serta Utara Afrika. Sehingga 24 Januari 2010, jumlah kematian akibat jangkitan influenza A(H1N1) di seluruh dunia adalah melebihi 14,711 kes, iaitu meningkat 4.0% berbanding dengan minggu sebelumnya.

Memandangkan beberapa kejadian kluster telah dilaporkan berlaku di kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan sekolah, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengingatkan pelatih dan juga pihak berkuasa di Kem PLKN serta pelajar di semua institusi seluruh negara agar berwaspada dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 yang telahpun terbukti berkesan. Pihak berkuasa di Kem PLKN dan institusi haruslah memastikan pelatih dan pelajar sentiasa berada dalam keadaan sihat serta memantau tahap kesihatan mereka. Sekiranya mengalami tanda-tanda Influenza A(H1N1), mereka perlu dirujuk untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera serta melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran sekiranya berlaku kejadian kluster.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai agar tidak memandang ringan atau mengabaikan langkah-langkah pencegahan Influenza A(H1N1) yang telah diumumkan sebelum ini. Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan Influenza H1N1 serta langkah-langkah pencegahan boleh memperolehnya melalui laman web <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

03 Februari 2010